

SKIM-SKIM PEMBIAYAAN TEKUN NASIONAL

- 1. Skim Pembiayaan TEKUN (SPT)**
Menyediakan pembiayaan perniagaan kepada usahawan Bumiputera untuk memulakan dan menambah modal perniagaan di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).
- 2. Skim Jaminan TEKUN (SJT)**
Kemudahan jaminan kredit yang diberikan kepada usahawan di bawah skim jaminan TEKUN.
- 3. Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPI)**
Dana Khas yang menyediakan kemudahan pembiayaan kepada belia-belia India bagi menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.
- 4. Skim Khas Kemiskinan (SKK)**
Pembiayaan yang dikeluarkan kepada golongan miskin bagi membantu mereka meningkatkan taraf hidup keluarga.
- 5. Skim Khas MECD (SKM)**
Menyediakan pembiayaan perniagaan berdasarkan program-program yang dilaksanakan oleh MECD melalui TEKUN.
- 6. Skim Pembiayaan Amanah (SPA)**
Kemudahan pembiayaan yang disalurkan kepada usahawan dan bakal usahawan terpilih menerusi dana yang disumbangkan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan orang ramai.

PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN

- 1. Program TEKUN - Rakan Niaga**
Program pembangunan usahawan melalui usahasama strategik TEKUN dengan Syarikat Rakan Niaga yang dilantik dengan menyediakan peluang-peluang perniagaan dan kemudahan pembiayaan.
- 2. Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS)**
Program pembangunan usahawan di kalangan siswazah yang berminat menjalankan aktiviti keusahawanan dengan menyediakan peluang-peluang perniagaan dan kemudahan pembiayaan.



Sila Hubungi :

TEKUN NASIONAL
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
No.2, Jalan 4/146, Metro Centre Bandar Tasik Selatan, 57000 Kuala Lumpur
Tel : 03-9058 8550 / 9058 8999 Faks :03-9059 5777
www.tekun.gov.my



TEKUN Nasional

Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

“ Melahirkan Usahawan Cemerlang ”



www.tekun.gov.my

PENDAHULUAN

TEKUN Nasional yang dahulunya di kenali sebagai Yayasan TEKUN Nasional adalah merupakan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang diwujudkan pada 9 November 1998. Matlamat penubuhan TEKUN Nasional adalah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan secara mudah dan cepat kepada bumiputera untuk memula dan memajukan lagi perniagaan mereka. Mulai tahun 2008, TEKUN Nasional telah membuat perubahan dan pembaharuan selaras dengan keperluan semasa dengan menjadikan institusi ini sebagai sebuah institusi pembangunan usahawan yang strategik dan tidak hanya menyediakan kemudahan modal perniagaan semata-mata. Kini TEKUN Nasional menjadi sebuah institusi yang menyediakan peluang-peluang perniagaan serta peluang-peluang menjana pendapatan, pembiayaan modal perniagaan, khidmat bimbingan dan sokongan serta Jaringan Usahawan. Adalah diharapkan dengan Hala Tuju Baru dan Penjenamaan semula ini, TEKUN Nasional akan menjadi sebuah institusi pelaksana (*executing agency*) yang dinamik serta mampu memainkan peranannya dengan lebih berkesan bagi memenuhi matlamat penubuhannya selaras dengan hasrat kerajaan untuk membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Dengan kejayaan MPPB ini hasrat kita untuk mengangkat martabat bangsa Melayu dan Bumiputera dalam bidang ekonomi akan tercapai.

VISI

TEKUN NASIONAL SEBAGAI INSTITUSI STRATEGIK PEMBANGUNAN USAHAWAN YANG UNGGUL.

MISI

MENYEDIAKAN PEMBIAYAAN MIKRO DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN.

PERANAN & OBJEKTIF

- Menyediakan pembiayaan usahaniaga secara mudah dan cepat.
- Menyediakan maklumat keusahawanan dan peluang-peluang perniagaan.
- Menyediakan khidmat bimbingan dan sokongan kepada para usahawan yang menyertai program TEKUN
- Mewujudkan Komuniti Usahawan TEKUN yang berdaya usaha, inovatif dan progresif serta jaringan perniagaan.
- Memupuk Budaya Keusahawanan di kalangan rakyat Malaysia
- Mengalakkan Budaya Menabung di kalangan usahawan TEKUN

PEMBIAYAAN TEKUN

Konsep Pembiayaan TEKUN

Pembiayaan TEKUN adalah pembiayaan mikro kredit secara mudah dan cepat.

Jumlah Pembiayaan

Jumlah pembiayaan adalah dari RM 500.00 sehingga RM 50,000.00.

Tempoh Bayaran Balik

Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah antara 1 bulan hingga 5 tahun.

Cara Bayaran Balik

Para usahawan / peminjam boleh membuat bayaran balik pinjaman kepada TEKUN menerusi kaedah yang disediakan.

Caj Perkhidmatan

Caj perkhidmatan yang dikenakan adalah sebanyak 4%.

Bayaran Proses

Pembiayaan	Bayaran
Kurang RM10,000	RM 30.00
RM10,000 - 30,000	RM50.00
Melebihi RM30,000	RM100.00

Simpanan

Para usahawan / peminjam digalakkan untuk membuat simpanan sebanyak 5% daripada nilai pembiayaan setiap tahun. Simpanan ini hendaklah dibuat bersama dengan bayaran balik pinjaman.

Perlindungan Insuran

Para usahawan TEKUN akan mendapat perlindungan di bawah Skim Insuran Takaful Berkelompok.

SYARAT KELAYAKAN ASAS

1. Bumiputera dan berumur 18 - 65 tahun.
2. Mempunyai cadangan atau rancangan perniagaan usaha niaga yang berpotensi dan berdaya maju.
3. Mempunyai Lesen / Permit / Daftar Perniagaan yang sah (Pembiayaan di bawah RM5,000.00 tidak perlu Pendaftaran Perniagaan [SSM]).
4. Mempunyai tempat / lokasi perniagaan yang khusus atau berniaga secara bergerak (mobile).
5. Terlibat secara langsung dan sepenuh masa dalam perniagaan. (Pembiayaan sehingga RM 5,000.00 boleh dipertimbangkan bagi pemohon yang berniaga secara sambilan).
6. Pembiayaan perniagaan sedia ada tidak melebihi RM 50,000

DOKUMEN DIPERLUKAN

1. Borang Permohonan JPP2 yang lengkap diisi.
2. Gambar pemohon ukuran pasport (2 keping).
3. Salinan Kad Pengenalan pemohon dan pasangannya.
4. Salinan lesen / permit / pendaftaran perniagaan yang sah.
5. Gambar premis / tempat perniagaan (jika perlu).
6. Salinan buku simpanan / penyata bank.
7. Sebut harga / cadangan pembelian perkakasan / peralatan / ubahsuai (jika perlu).
8. Salinan salah satu bil utiliti bagi premis/ rumah. Salinan perjanjian sewa/ surat kebenaran penyewaan premis (Sekiranya premis disewa).

BORANG PERMOHONAN YANG LENGKAP HENDAKLAH DIKEMUKAKAN KEPADA PEJABAT CAWANGAN TEKUN YANG BERDEKATAN DENGAN KEDIAMAN / PREMIS / LOKASI PERNIAGAAN.

(Sila Rujuk Laman Web TEKUN Nasional : www.tekun.gov.my)

BIDANG-BIDANG PERNIAGAAN

Bidang-bidang perniagaan / usaha niaga yang boleh diceburi oleh para usahawan adalah seperti berikut :

- Pembuatan
- Peruncitan & Perdagangan
- Perkhidmatan
- Pertanian
- Penternakan dan Akuakultur
- Pembinaan
- Pemborongan
- Pelancongan / Rekreasi
- Pendidikan
- Pengangkutan

PERHATIAN

TEKUN Nasional tidak melantik mana-mana pihak sebagai agen untuk menguruskan permohonan ini. Oleh itu sila berurusan terus dengan pegawai-pegawai TEKUN di pejabat-pejabat TEKUN yang berhampiran dengan tempat anda.